ALFRED KUAN YOK FOH T/A AKITEK KEP

lwn.

KONSULTANT PROSES SDN. BHD. & 2 LAGI

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
PUAN RAHMAH BT HUSSAIN PK
[GUAMAN SIVIL NO. S7-22-753-90]
1 APRIL 1993

AMALAN & PROSEDUR: Permohonan untuk meminda penyata tuntutan dan penyata pembelaan - Rayuan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar - Sama ada pindaan-pindaan tersebut patut dibenarkan - Sama ada pindaan akan membawa prejudis.

Plaintif merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar membenarkan defendan pertama meminda penyata pembelaannya untuk memasukkan isu fraud. Plaintif mengatakan bahawa pindaan tersebut tidak patut dibenarkan oleh kerana ia merupakan satu "tactical manoeuvre" dan defendan mengambil masa lebih dari empat bulan, setelah mengetahui fakta-fakta tersebut, untuk meminda pliding mereka.

Plaintif juga merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang tidak membenarkan plaintif meminda penyata tuntutan untuk menuntut faedah dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh. Soalan yang timbul dalam rayuan ini ialah sama ada pindaan-pindaan yang dicadangkan mengikut prinsip-prinsip am sebagai yang dirumuskan di dalam kes *Yamaha Motor Company Limited lwn. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd. & Ors.*

Diputuskan:

[1] Pindaan yang dipohon oleh defendan pertama telah dibangkitkan dalam afidavit jawapan semasa perbicaraan dibawah Aturan 14. Oleh itu ia adalah bukan satu perkara yang baru yang dinyatakan oleh pihak defendan dan tidak ada sebarang "tactical mamanoeuvre" dalam permohonan itu. Kelewatan membuat permohonan pindaan adalah kelewatan yang munasabah.

[2] Sungguhpun Mahkamah ada budibicara untuk membenarkan sesuatu pindaan, tetapi budibicara tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang. Tidak ada peruntukan dibawah undang-undang yang membolehkan plaintif menuntut faedah dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh.

[Rayuan plaintif ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

Yamaha Motor Co. Ltd. lwn. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd. & Ors. [1983] 1 MLJ 213 / [1983] 1 CLJ 191 ***(diikuti)***

Alloy Automotive Sdn. Bhd. lwn. Perusahaan Ironfield Sdn. Bhd. [1986] 1 MLJ 382 / [1986] 1 CLJ 2 ***(diikuti)***

"The Benoi VI", Sindo Timber Enterprises (Pte) Ltd. lwn. "Benoi VI" (Owners & Ors.) [1980] 2 MLJ 265 ***(dirujuk)***

Ponnusamy & Anor. lwn. Nathu Ram [1959] 25 MLJ 228 ***(dirujuk)***

Ismail bin Ibrahim & Ors. lwn. Sum Poh Development Sdn. Bhd. & Anor. [1988] 3 MLJ 348 / [1988] 2 CLJ 632 ***(dirujuk)***

Yoong Leok Kee Corporation Sdn. Bhd. lwn. Chin Thong Tai [1981] 2 MLJ 21 ***(dirujuk)***

Atkinson lwn. Fitswalter & Anor. [1987] 1 WLR 201 ***(dirujuk)***

Akta-akta yang dirujuk:

Akta Undang-Undang Sivil 1956, s. 11
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Aturan 14, 20, 42 kaedah 5(1), 12

Bagi pihak plaintif - Kuan Yok Foh mewakili diri sendiri
Bagi pihak defendan pertama - V. Siva; T / n. V Siva & Partners
Bagi pihak defendan kedua dan ketiga - Murali B. Pillai; T / n. Murali B. Pillai & Associates

ALASAN PENGHAKIMAN

Rahmah bt Hussain PK:

Ini adalah rayuan plaintif/perayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang diberikan pada 27 Mei 1992. [Kandungan (49) dan (50).

Keputusan pertama Penolong Kanan Pendaftar mengenai permohonan yang terdapat di dalam Kandungan (40), ialah beliau telah membenarkan defendan pertama untuk meminda pembelaannya dl bawah Aturan 20(5) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Dalam keputusan kedua Penolong Kanan Pendaftar pula, yang terdapat di kandungan (43) beliau telah membenarkan permohonan plaintif untuk meminda pernyataan tuntutan dan memasukkan perenggan 12 (a-e) dan

perenggan 13. Walau bagaimanapun, beliau tidak membenarkan perenggan 12(c).

Sebelum menumpukan perhatian kepada hujah-hujah Peguam adalah sesuai buat masa ini dinyatakan pindaan yang dicadangkan yang berkenaan. Bagi permohonan di dalam kandungan (40) pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

12. Selanjutnya defendan pertama bantah bahawa plaintif telah dengan tipu muslihat menyediakan dokumen-dokumen dengan sengaja dengan tujuan untuk menyusahkan dan perdayakan defendan pertama berhubung dengan semua muslihat.

Butir-butir Fraud

i. Pada 11 Februari 1985 Plaintif telah mengirimkan dua surat yang berasingan yang mengandungi rujukan nombor dan kandungan yang sama kepada Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan;

ii. Kedua-dua surat tersebut yang menyamar tandatangan Eng Yong Seng mengandungi dua tandatangan yang berlainan;

iii. Selanjutnya diantara dua (2) surat itu, salah satu surat tersebut adalah salinan karbon kepada defendan kedua dan ketiga tetapi bukan kepada defendan pertama dan surat salinan karbon kepada defendan pertama dan bukan kepada defendan kedua dan ketiga dan

iv. Selanjutnya diantara dua (2) surat tersebut hanya satu surat sahaja yang telah dihantar kepada Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan dan surat yang lain yang mana telah didakwa hantar kepada Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan sebenarnya tidak dihantar kepada yang dialamatkan tetapi salinan tersebut dihantar kepada defendan pertama.

13. Defendan pertama selanjutnya berbantah memandangkan fraud yang dilakukan oleh plaintif seperti yang dikatakan di atas, defendan pertama tidak diwajibkan bukan sahaja dari segi undang-undang atau fakta untuk membayar apa sahaja wang jika ada kepada plaintif.

14. Kecuali sebagaimana yang diakui dengan nyata terdahulu daripada ini defendan pertama menafikan setiap dan tiap-tiap pengataan fakta yang terkandung dalam Penyata Tuntutan itu seolah-olah ia dinyatakan di dalam ini dan disangkal dengan khususnya.

15. Oleh yang demikian defendan pertama memohon supaya tuntutan plaintif dibatalkan dengan kos.

Sementara pindaan yang dicadangkan di dalam kandungan (43) pula ialah:

12. Oleh kerana keingkaran defendan-defendan tersebut plaintif mengalami kerugian, kerosakan dan perbelanjaan.

Oleh yang demikian plaintif menuntut:

(a) jumlah wang sebanyak RM1,547,035.09.
(b) gantirugi am.
(c) faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh.
(d) kos
(e) sebarang relief lain yang Mahkamah yang Mulia ini fikirkan wajar untuk diberikan.

Latar belakang kes ini pula adalah seperti berikut:

Plaintif adalah seorang Akitek yang telah dilantik oleh defendan pertama diatas "turn-key or consortium basis". Defendan pertama adalah sebuah Syarikat Konsultan dan Jurutera Mekanik, sementara defendan kedua adalah sebuah syarikat pemaju yang bersama defendan ketiga, tuanpunya tanah menjalankan pembangunan di tanah tersebut. Plaintif telah dilantik untuk menyediakan pembangunan di tanah tersebut. Plaintif telah dilantik untuk menyediakan perkhidmatan (services) kepada projek defendan kedua dan ketiga. Beliau sekarang membuat tuntutan terhadap perkhidmatan akitek (architectural services).

Dalam hujahannya Encik Onn Peguam pihak perayu (plaintif) mengatakan bahawa kes sekarang adalah sama dengan kes *Yamaha Motor Co. Ltd. lwn. Yamaha Malaysia Sdn. Bhd. & Ors.* [1983] 1 MLJ 213. Oleh yang demikian permohonan plaintif untuk pindaan boleh dibenarkan kerana tidak membawa "bias" terhadap defendan yang tidak boleh

digantikan dengan kos. Sebenarnya perkataan yang digunakan dalam kes tersebut ialah "prejudice" bukan "bias". Walaubagaimanapun, Encik Onn telah membetulkan kesilapannya semasa menjawab hujah Encik Gunaseelan, setelah diingatkan oleh Encik Gunaseelan.

Seterusnya beliau berkata, perenggan 12(c) yang dimasukkan dalam pindaan tersebut, iaitu meminta faedah dalam kadar 8% setahun dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh tidak akan menjejaskan defendan. Tambahan pula faedah akan diputuskan pada perbicaraan penuh atau pun di bawah Perintah 14, semasa gantirugi ditaksir oleh Mahkamah.

Dalam kes *Yamaha Motor*, Mahkamah Persekutuan telah pun merumuskan prinsip-prinsip am bagi Mahkamah membenarkan pindaan seperti berikut:

> The general principle is that the Court will allow such amendments as will cause no injustice to the other parties. Three basic questions should be considered to determine whether injustice would or would not result (a) whether the application was *bona fide*; (b) whether the prejudice caused to the other side can be compensated by costs and (c) whether the amendments would not in effect turn the suit from one character into a suit of another and inconsistent character; ...

Seterusnya Encik Onn telah mengemukakan kes *Alloy Automotive Sdn. Bhd. v. Perusahaan Ironfield Sdn. Bhd.* [1986] 1 MLJ 382, dimana Mahkamah Agung telah menyatakan semula prinsip-prinsip yang terdapat dalam kes *Yamaha Motor*.

Encik Gunaseelan Peguam pihak responden pula berhujah bahawa oleh kerana faedah "is not contracted upon" jadi faedah perlu dibentangkan di bawah s. 11, Akta Undang-Undang Sivil bagi faedah sebelum penghakiman dan Aturan 42 Kaedah 12, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 bagi faedah selepas penghakiman. Selanjutnya Peguam berhujah bahawa jika Mahkamah membenarkan pindaan sebagai yang diminta oleh pihak plaintif ini akan membawa ketidakadilan yang besar kepada defendan kedua dan ketiga. Peguam merujuk kepada kes "*The Benoi VI*", *Sindo Timber Enterprises (Pte) Ltd. lwn.* "*Benoi VI*" *(Owners & Ors.)* [1980] 2 MLJ 265. Dalam kes itu Mahkamah Tinggi telah membuat keputusan seperti berikut:

> The plaintiff who commenced the action had had the conduct of the action. He set the timing of the action. He called the tune. The Court's duty then was to weigh which party would suffer graver injustice. In the circumstances of the case it was obvious that graver injustice would be suffered by the defendants if the amendments were allowed. The amendments were therefore denied.

Persoalannya sekarang ialah untuk mempertimbangkan sama ada kedua pindaan yang dicadangkan itu mengikut prinsip-prinsip am sebagai yang dirumuskan di dalam kes *Yamaha Motor*.

Merujuk permohonan defendan pertama adalah jelas setelah diteliti pindaan yang dicadangkan itu bahawa pihak defendan hendak membawa isu fraud. Encik Onn berhujah bahawa mengikut apa yang dikatakan oleh **Bullen & Leake & Jacob's - Precedents of Pleadings** - Twelfth Edition by I.H. JACOB, LL.B, defendan harus membuat di pliding mereka tuduhan mengenai fraud, pada permulaan pliding dan pliding tersebut mesti mengandungi butir-butir yang bebas.

Beliau kemudian merujuk kepada kes *Ponnusamy & Anor. lwn. Nathu Ram* [1959] 25 MLJ 228 dimana ada dinyatakan bahawa Mahkamah hendaklah berhati-hati melihat isu fraud dan Mahkamah hendaklah membuat keputusan sama ada sesuatu pindaan harus dibenarkan sekiranya permohonan pliding itu berkenaan fraud.

Dalam kes *Ismail bin Ibrahim & Ors. lwn. Sum Poh Development Sdn. Bhd. & Anor.* [1988] 3 MLJ 348 pula Hakim Dato' Mohamed Dzaiddin (Hakim Mahkamah Tinggi pada ketika itu) telah memutuskan seperti berikut:

> The rule governing the amendment of pleadings is that the Court will allow such amendments as will cause no injustice to the other parties. However, these are two circumstances in which an amendment to add an allegation of fraud would not be permitted: (a) where the facts giving rise to the plea of fraud were known at the time of the original pleading and (b) where the delay in pleading fraud was in connection wlth some tactical manoeuvre.

Encik Onn mengatakan ada "tactical manoeuvre" dalam kes yang ada sekarang iaitu permohonan untuk meminda ini telah diserahkan kepada beliau pada l5 April 1992, sementara tarikh perbicaraan untuk Rayuan Kepada Hakim Dalam Kamar mengenai perintah Penolong Kanan Pendaftar di bawah Aturan 14 telah ditetapkan pada 20 April 1992. Juga katanya defendan pertama melalui surat mereka bertarikh 4 Oktober 1991 telah pun mengetahui akan fakta bahawa wujudnya sesalinan surat asal yang telah dihantarkan kepada Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan sesalinan karbon yang telah dihantarkan kepada defendan pertama, maka itu merupai enam bulan atau lebih dimana defendan pertama mempunyai fakta untuk membuat satu permohonan supaya pliding mereka di pinda.

Merujuk kepada pindaan yang dicadangkan di perenggan 12 Encik Onn berkata bahawa pindaan itu adalah fakta tambahan dan bukannya satu pliding yang berdasarkan idea asal. Ini adalah "additional pleading" dan bukan "alternative pleading". Beliau juga mengatakan bahawa pindaan yang dicadangkan menukarkan asas pembelaan kerana bila perenggan 7 dirujuk, ia seakan-akan menyangkal perenggan 12.

Sebaliknya Encik Siva bagi pihak defendan pertama menafikan ada sesuatu "tactical manoeuvre" oleh pihak defendan atau pun kelewatan untuk memfail permohonan pindaan tersebut. Beliau merujuk semula kepada kes *Yamaha Motor* dan juga kes *Yoong Leok Kee Corporation Sdn. Bhd. lwn. Chin Thong Tai* [1981] 2 MLJ 21 dimana Hakim Ajaib Singh, telah dari segi keadilan membenarkan pindaan dibuat terhadap pernyataan tuntutan plaintif pada akhir perbicaraan.

Keputusan tersebut telah disahkan oleh Mahkamah Persekutuan yang menyatakan:

> On the question of amendment we form the view that the learned Judge had properly exercised his discretion under O. 20 r. 5 of the Rules of the High Court 1980, when he allowed the amendment to the statement of claim to be effected stating that it was a fit- and proper case to allow the amendment to be made in the interest of justice.

Dalam kes sekarang permohonan untuk meminda pernyataan pembelaan telah dibuat selepas keputusan mengenai permohonan di bawah Aturan 14, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, diberi oleh Penolong Kanan Pendaftar pada 26 Disember 1991. Di dalam permohonan tersebut tuduhan fraud telah dibangkitkan di dalam affidavit jawapan defendan. Oleh itu, ini adalah bukan sesuatu perkara yang baru yang dinyatakan oleh pihak defendan. Oleh itu saya berpendapat tidak ada "tactical manoeuvre" dalam permohonan pindaan ini.

Mengenai dengan kelewatan membuat permohonan pindaan pula pada pendapat saya kelewatan selama empat bulan adalah kelewatan munasabah. Oleh kerana dalam kes *Yamaha Motor* Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan sungguhpun ada kelewatan selama tujuh bulan. Kemudian dalam kes *Atkinson lwn. Fitzwalter & Anor.* [1987] 1 WLR 201 pula, permohonan pindaan dibenarkan sungguhpun ada kelewatan selama dua tahun.

Menyentuh permohonan pindaan plaintif mengikut Aturan 20 Kaedah 5(1) Mahkamah ini ada budibicara untuk membenarkan sesuatu pindaan. Aturan 20 Kaedah 5(1) berbunyi:

> 5(1) Subject to O. 15 rr. 6, 7 and 8 and the following provisions of this rule, the Court may at any stage of the proceedings allow the plaintiff to amend his writ, or any party to amend his pleading, on such terms as to costs or otherwise as may be just and in such manner (if any) as it may direct.

Dalam permohonan ini pihak plaintif hendak memasukkan tuntutan faedah iaitu pada kadar 8% setahun dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh. Peruntukan di bawah Aturan 42 Kaedah 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berbunyi seperti berikut:

> Every judgment debt shall carry interest at the rate of 8 per cent per annum or at such other rate not exceeding the rate aforesaid as the Court directs (unless the rate has been otherwise agreed upon between the parties), such interest to be calculated from the date of judgment until the judgment is satisfied.

Satu lagi peruntukan mengenai faedah terdapat di bawah s. 11 Akta Sivil 1956 yang berbunyi:

> In any proceedings tried in any Court for the recovery of any debt or damages, the Court may, if it thinks fit, order that there shall be included in the sum for which judgment is given interest at such rate as it thinks fit on the whole or any part of the debt or damages for the whole or any part of the period between the date when the cause of action arose and the date of judgment.

Adalah jelas bahawa Aturan 42 Kaedah 12 memperuntukkan bahawa faedah hanya boleh dikira dari tarikh penghakiman kepada tarikh penyelesaian penuh dan dibawah s. 11 Akta Sivil faedah dikira dari tarikh keingkaran hingga tarikh penghakiman.

Di dalam hujahan Peguam plaintif di hadapan Penolong Kanan Pendaftar dan di hadapan saya, beliau teleh memohon faedah dari tarikh keingkaran hingga tarikh penyelesaian penuh. Sungguhpun Mahkamah ada budibicara untuk membenarkan sesuatu pindaan, tetapi budibicara tersebut hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang. Dalam perkara ini saya berpendapat bahawa tidak ada peruntukan dibawah undang-undang sebagai yang dipohon oleh plaintif, oleh yang demikian permohonannya telah ditolak dengan kos dalam kausa.

Akhir sekali berpandukan prinsip-prinsip yang dirumuskan di dalam kes *Yamaha Motor* saya telah menolak rayuan plaintif terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 27 Mei 1992 yang terdapat di dalam kandungan (40). Walaubagaimanapun, saya telah memberi kos kepada plaintif dibayar oleh defendan pertama.

Seterusnya plaintif telah membuat penghujahan lanjut di dalam Mahkamah terbuka tetapi setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak saya berpendapat tiada merit di dalam penghujahan plaintif. Oleh yang demikian saya telah menolak penghujahan lanjut plaintif.

BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BHD.

lwn.

STAGHORN SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[PENGGULUNGAN SYARIKAT NO. D1-28-7-1990]
1 JUN 1993

UNDANG-UNDANG SYARIKAT: Permohonan untuk menggantung prosiding berkaitan dengan penggulungan syarikat - Seksyen 243(1) Akta Syarikat 1965 - Sama ada pemohon telah membuktikan bahawa penggulungan patut digantung.

Pempetisyen telah memberikan kemudahan overdraf kepada respondan dan atas kegagalan respondan membayar balik, telah mendapatkan penghakiman ingkar terhadap respondan. Atas kegagalan respondan menjelaskan jumlah penghakiman, pempetisyen telah memasukan petisyen untuk menggulung respondan dan respondan telah diperintahkan supaya digulungkan.

Pemohon, sebagai seorang penyumbang responden, telah memfailkan permohonan di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965 untuk menggantung segala prosiding berkaitan dengan penggulungan respondan atas alasan bahawa dia bercadang memohon untuk mengenepikan penghakiman yang mengasaskan perintah penggulungan itu kerana penghakiman tersebut adalah tidak regular.

Diputuskan:

[1] Di bawah s. 243(1) Akta Syarikat 1965, untuk membolehkan Mahkamah membenarkan penggantungan semua prosiding berkaitan dengan penggulungan respondan, ia mestilah dibuktikan bahawa prosiding itu patut digantung.

[2] Pemohon memohon penggantungan supaya dia dapat mengenepikan penghakiman yang mengasaskan perintah penggulungan. Tetapi berdasarkan atas sebab-sebab yang diberikan oleh pemohon untuk menunjukkan yang penghakiman itu adalah tidak regular, tidak ada kemungkinan yang dia akan berjaya mengenepikan penghakiman itu.

[3] Pemohon telah gagal menunjukkan bahawa prosiding dalam penggulungan respondan patut digantung.

[Permohonan pemohon ditolak dengan kos].